

No Rujukan: AP 03/ 2020



**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN MALAYSIA (AADK)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH AADK  
BILANGAN 3 TAHUN 2020**

---

**PELAKSANAAN MEKANISME PENILAIAN DALAM URUSAN  
PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT SKIM ANTIDADAH  
DI AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN**

**TUJUAN**

Arahan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan ini adalah untuk memaklumkan pelaksanaan mekanisme penilaian dalam urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat Skim Antidadah di Agensi Antidadah Kebangsaan.

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Khas Pengurusan Utama AADK Bilangan 7 Tahun 2020 pada 19 Mei 2020 telah memutuskan supaya dasar kenaikan pangkat mengambil kira aspek Indeks Jisim Badan (*Body Mass Index-BMI*). Hasrat ini juga adalah rentetan dari perancangan AADK pada tahun 2018 dalam melaksanakan Program Gaya Hidup Sihat dengan moto "Sihat, Cergas dan Langsing" secara berterusan terhadap warga AADK. Sepertimana surat edaran bertarikh 14 September 2018 dan Pekeliling Pentadbiran AADK/KP/1/2018 bertarikh 13 September 2018, Program Gaya Hidup Sihat yang merupakan hari untuk bersukan dilaksanakan di seluruh Pusat Tanggungjawab (PTJ) AADK pada setiap petang, hari Khamis atau Jumaat, setiap minggu (mengikut negeri).

### KEPENTINGAN BMI

3. Kepentingan BMI kepada pegawai Skim Antidadah adalah bagi:
- (i) Meningkatkan tahap kesihatan pegawai AADK yang baik dari segi fizikal dan mental supaya sentiasa sihat, aktif, bertenaga dan cepat bertindak dalam pelaksanaan tugas harian.
  - (ii) Mengurangkan risiko pegawai AADK sakit atau dijangkiti penyakit kerana gaya hidup yang sihat dapat meningkatkan kesihatan badan dan imunisasi tinggi.
  - (iii) Meningkatkan produktiviti kerja yang tinggi disebabkan pemikiran yang cerdas dan pegawai AADK dapat fokus tugas dengan teliti serta membuat keputusan dengan tepat.
  - (iv) Mempamerkan imej personaliti yang unggul, positif dan profesional dalam kerjaya serta diyakini oleh masyarakat.

### KRITERIA PERTIMBANGAN

4. Bagi merealisasikan hasrat ini, penelitian terhadap beberapa peraturan dan pekeliling sedia ada adalah menepati perancangan AADK bagi tujuan pemangkuhan dan kenaikan pangkat. Secara amnya, dasar, peraturan pemangkuhan dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam bagi pegawai lantikan skim Antidadah adalah berasaskan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A) 176/2005], Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 2010 [P.U.(A) 75/2010] dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010, "Panduan Pengurusan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam". Dalam hal ini, pertimbangan pemangkuhan seseorang pegawai adalah berasaskan merit dan Lembaga Kenaikan Pangkat (Lembaga) akan mengambil kira, antaranya ialah:

- (i) kecekapan dan prestasi kerja pegawai.
- (ii) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai.
- (iii) sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai.
- (iv) kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada masyarakat dan negara.

5. Sehubungan ini, selaras dengan 'Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010', wajaran markah bagi penilaian dalam urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat Skim Antidadah di Agensi Antidadah Kebangsaan adalah seperti berikut:

LNPT 3 tahun / LNPT 2 tahun + LNPK	:	75 %
Temu duga	:	20 %
Kaedah lain	:	5 %
		<b>100%</b>

### KETETAPAN MERIT BMI SEBAGAI WAJARAN MARKAH

6. AADK menetapkan BMI sebagai elemen 'Kaedah Lain' yang memberikan merit terhadap pemangkuan dan kenaikan pangkat dengan wajaran markah sehingga 5%. Pengambilan julat BMI dilaksanakan pada hari temu duga oleh pegawai yang diberi kuasa. Pengiraan merit BMI adalah berdasarkan standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan World Health Organisation (WHO), iaitu:

$$\text{BMI} = \frac{\text{Berat badan (kg)}}{\text{Tinggi (m)} \times \text{Tinggi (m)}}$$

Jumlah merit bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

Julat BMI (kg/m <sup>2</sup> )	Klasifikasi tubuh badan	Jumlah merit (%) yang diperolehi
16.4 dan ke bawah	Kurang berat badan	0%
16.5 – 18.4	Kurang berat badan	4%
18.5 – 24.9	<b>Mempunyai berat badan unggul</b>	5%
25.0 – 30.0	Lebih berat badan	4%
30.1 dan ke atas	Obes	0%

Simulasi mekanisme pelaksanaan penilaian dalam urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat skim antidadah di Agensi Antidadah Kebangsaan adalah seperti di **Lampiran A**.

### PEMAKAIAN

7. Pemakaian Arahan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan ini hendaklah dipanjangkan kepada semua pegawai Skim Antidadah bagi tujuan kefahaman untuk urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat Skim Antidadah.

### TARIKH KUAT KUASA

8. Arahan ini adalah **berkuat kuasa serta merta**.



**(DATO' SRI ZULKIFLI BIN ABDULLAH) CP**

Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan  
Kementerian Dalam Negeri

 September 2020

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)  
Semua Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat AADK  
Semua Pengarah AADK Negeri  
Semua Pengarah Institusi AADK

LAMPIRAN A

**SIMULASI MEKANISME PELAKSANAAN PENILAIAN DALAM URUSAN PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT SKIM ANTIDADAH DI AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN**

Julat BMI (kg/m <sup>2</sup> )	Klasifikasi tubuh badan	Jumlah merit (%) yang diperolehi
16.4 dan ke bawah	Kurang berat badan	0%
16.5 – 18.4	Kurang berat badan	4%
<b>18.5 – 24.9</b>	<b>Mempunyai berat badan unggul</b>	<b>5%</b>
25.0 – 30.0	Lebih berat badan	4%
30.1 dan ke atas	Obes	0%

Nama Skim Perkhidmatan: Antidadah

Urusan: Pemangkuhan dari gred S44 ke gred 48

Tarikh Kuat Kuasa Pemangkuhan: XXX (Tarikh Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat)

Bil.	Nama Pegawai	Tarikh Lahir	Tarikh Lantik	Tarikh sah Dalam Perkhidmatan	Tarikh Memangku Gred S44	Tarikh Naik Pangkat Gred S44	Markah LNPT			Markah Keseluruhan (a)	Markah Temu Duga (b)	Markah BMI (c)	Jumlah Keseluruhan (a+b+c)	Perakuan Lembaga	Perakuan Urus Setia
							2017 (20%)	2018 (35%)	2019 (45%)						
1.	AA bin BB	3.3.1979	1.4.2003	1.4.2004	1.4.2009	1.4.2010	88.4 (17.68)	93.27 (32.64)	91.59 (41.22)	91.54 (68.66)	92.45 (18.49)	17 (4)	91.15 (91.15)		
2.	CC bin DD	7.3.1979	16.6.2003	16.6.2004	1.4.2009	1.4.2010	90 (18)	92 (32.2)	94 (42.3)	92 (69)	92.87 (18.57)	24 (5)	92.57 (92.57)		
3.	EE binti FF	31.12.1979	10.6.2003	10.6.2004	1.4.2009	15.8.2010	91 (18.20)	91.32 (31.96)	91.41 (41.13)	91.29 (68.47)	94.56 (18.91)	29 (4)	91.38 (91.38)		